

PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA PENGLIBATAN KUMPULAN SASARAN BARU

PENGAJARAN YANG DIPEROLEH DARIPADA PROGRAM TINDAKAN PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA

APAKAH PROGRAM TINDAKAN PENDIDIKAN HAK ASASI?

Program Tindakan Pendidikan Hak Asasi Pendidikan (REAP) adalah inisiatif pembelajaran hak asasi selama 10 tahun yang dipimpin oleh Amnesty International Norway. REAP telah dilaksanakan oleh Amnesty International di Israel, Malaysia, Moldova, Maghribi, Poland, Rusia, Slovenia, Afrika Selatan, Thailand dan Turki. Setelah menaksir keperluan tempatan, rakan kongsi projek REAP telah memilih hak-hak manusia yang spesifik dan relevan kepada kumpulan sasaran mereka dan konteks hak asasi negara tersebut. Di teras, REAP adalah “pengganda” – individu yang melalui peranan atau kedudukan dalam masyarakat, berupaya mempengaruhi ramai individu atau kumpulan. Melalui REAP, rakan kongsi projek mewujudkan impak positif hak asasi dan menyumbang kepada matlamat Amnesty International untuk membina budaya hak asasi manusia di seluruh dunia.

MEDEKATI KUMPULAN SASARAN BARU

Pendidikan hak Asasi ialah satu cara berkesan untuk melibatkan individu dan kumpulan dengan isu-isu hak asasi. Dengan cara mendekati sasaran yang tiada penglibatan dengan organisasi atau



pendedahan berkenaan isu-isu hak asasi, Amnesty International telah mula menukar cara masyarakat berfikir mengenai hak mereka dan hak org lain melalui pendidikan hak asasi. Sebagai contoh, Amnesty International Slovenia dan Israel, kedua-duanya telah mencatat kemajuan yang memberansangkan dalam kerja mereka dengan masyarakat yang terpinggir. Di Turki, REAP bekerjasama dengan kumpulan agama dan pihak berkuasa agama; di Morocco REAP telah melaksanakan satu program yang melibatkan pegawai penguatkuasa undang-undang. Perkara

Ahli-ahli Amnesty International Morocco membuat demonstrasi di Rabat pada Hari Wanita Antarabangsa pada tahun 2008.

biasa dalam usaha-usaha ini ialah kebaikan bekerja dengan rakan kongsi projek, dari organisasi komuniti tempatan sehingga kepada organisasi – organisasi kerajaan. Bekerjasama menyemai kesedaran dan menyentuh isu hak asasi yang berkenaan melalui tindakan yang penuh kesedaran san berpengetahuan, projek-projek REAP mengubah perlakuan dan kehidupan.





'Adalah penting pada ketika kita bercakap di bengkel-bengkel kita yang kita mempunyai semua hak, disamping itu kita juga mempunyai tanggungjawab ..apa yang penting orang muda mula memimpin gerakan hak hak asasi tersebut..mereka menunjukkan yang mereka prihatin terhadap satu sama lain, dan mereka menghormati satu sama lain, dan mereka mula memahami situasi Roma di Slovenia'.

Simona Kemperle, Amnesty International Slovenia

'Saya lebih menyedari tentang kepentingan membantu mereka yang dalam kesukaran, dan kita semua adalah sama dan tiada sesiapa pun mempunyai hak asasi yang kurang dari hak saya'.

Peserta projek REAP, Slovenia

BEKERJA DENGAN KOMUNITI TERPINGGIR

Projek REAP memenuhi keperluan tempatan dan hak asasi yang berkenaan. Di Slovenia, usaha REAP telah mencapai lingkungan golongan terpinggir, melalui kerjasama dengan belia dalam hal diskriminasi terhadap rakyat Roma, isu –isu melibatkan golongan lesbian, gay, bisexual dan “transgender” (LGBT). Di Slovenia, setiap tahun lebih dari 100 bengkel REAP diadakan, melatih lebih dari 2000 individu dalam isu hak asasi manusia dan meningkatkan kesedaran. Bengkel –bengkel berbentuk seminar berkenaan hak asasi diadakan pada hujung minggu, atau sesi latihan sehari tentang bagaimana untuk melibatkan golongan belia dalam kempen dan kem activism. REAP juga menghasilkan penerbitan tentang hak asasi yang ditujukan kepada kanak-kanak seperti Jagoda, buku bergambar yang menerangkan kebudayaan dan cara hidup sehari-hari kanak-kanak Roma, satu projek hasil kerjasama dengan golongan kanak-kanak Roma dan organisasi masyarakat Roma Drustvo Zaveznikov Mehketa Pristanka.

Peserta Kem musim panas Amnesty International di Ljubljana, Slovenia membuat tunjuk perasaan terhadap keganasan di Tunisia.

Di Israel, usaha-usaha REAP dalam isu-isu hak wanita, kanak-kanak dan pelarian; juga isu hak asasi berkenaan penyeludupan manusia. Amnesty International Israel telah menyentuh isu semasa tempatan termasuk yang melibatkan diskriminasi terhadap masyarakat Bedouin. Hasilnya, rakankongsi projek, *New Israel fund's empowerment and Training Centre*, pada masa ini menjalankan kursus baru, “Hak asasi manusia untuk aktivis social Bedouin”. Usaha REAP di Israel mula dapat mengubah perlakuan, attitudes dan kepercayaan, mengurangkan diskriminasi, membangkitkan rasa hormat dan menganjurkan keadaan damai secara “co-existence”.

‘Saat yang paling penting ialah bila Presidensi hal Ehwal Agama mengumumkan keganasan terhadap wanita adalah bertentangan dengan Islam. Itu adalah satu saat penting kepada kita semua, kerana kita bekerja dengan pegawai-pegawai pihak berkuasa agama Islam selama 2 tahun, dan semasa sesi-sesi tersebut, kami berpeluang untuk berbicara mengenai isu-isu tersebut...mereka sangat terbuka dan bermotivasi, dan mereka mahu menjadi sebahagian dari gerakan hak asasi global’.

Murat Cekic, Amnesty International Turki.



© Amnesty International

Gerai informasi dan kempen yang didirikan sebagai sebahagian dari usaha kempen bergerak AI Turki untuk mempromosi kempen menghentikan keganasan terhadap wanita.

KERJASAMA DENGAN KUMPULAN KEAGAMAAN DAN PIHAK BERKUASA AGAMA

Melalui inisiatif REAP, lebih dari 215 ketua agama berjaya di latih sebagai pengganda hak asasi. Sebagai contoh, projek jangka panjang melatih imam-imam telah menunjukkan kesan mendalam di kalangan komuniti agama di Turkey. Kakitangan dan sukarelawan Amnesty International mengadakan kursus latihan asas 2 hari untuk pegawai pihak berkuasa agama berkenaan bagaimana mengintegrasikan rasa hormat terhadap hak asasi, dan hak wanita khususnya, dalam komuniti agama. Pelatih menggunakan modul pembelajaran melalui pendidikan hak asasi, antara lain kit antarabangsa Hentikan keganasan terhadap wanita. Ini adalah satu langkah besar kearah mempromosi idea hak asasi universal secara lebih luas kepada komuniti di Turki. Amnesty International Turki melapurkan satu dari antara pencapaian terbaik mereka ialah kecaman terhadap keganasan terhadap wanita oleh Presidensi Hal Ehwal Agama- kesan langsung dari latihan REAP.

Metodologi REAP menggalakkan pertukaran lawatan antara seksyen seksyen Amnesty

International bertujuan membuat perbandingan kerja dan bertukar-tukar pandangan. Sebagai contoh, Amnesty International Morocco melawat Turki pada tahun 2007 bertujuan meninjau usaha dan sesi latihan EAP. Melalui tinjauan terhadap usaha yang dijalankan oleh REAP dengan para imam, Amnesty International Morocco menyedari potensi dalam penglibatan pihak berkuasa agama sebagai pengganda.

BEKERJA DENGAN PIHAK PENGUATKUASA UNDANG-UNDANG

Bekerja dengan Reformasi Jenayah Antarabangsa, Amnesty International Morocco telah mendapat kesan positif terhadap hak asasi melalui latihan pengganda di kalangan penguatkuasa undang-undang. Usaha REAP dengan kumpulan sasaran tersebut memfokus kepada latihan kepada pegawai penguatkuasa undang-undang. Projek ini bermula dengan melayakkan 40 pelatih dari delegasi umum pentadbiran penjara dan pemulihan Morocco dalam isu hak asasi antarabangsa dalam konteks penguatkuasaan undang-undang tempatan. Sejak dari itu, keadaan dalam penjara

semakin baik dan penjara lebih terbuka untuk lawatan keluarga dan lawatan dari kakitangan NGO tempatan. Rakan kerjasama projek REAP di Morocco juga membantu pihak berkuasa mencipta satu program integrasi prinsip hak asasi dan standard dalam latihan untuk personel yang terlibat dalam penguatkuasaan undang-undang.

‘Salah satu kejayaan besar ialah kesediaan untuk aktif dalam hak orang lain. Ini bukan hanya pemahaman terhadap apa itu hak asasi, dan kenapa ianya penting, tetapi juga tentang apa yang kita boleh lakukan tentangnya’.

Danit Shaham, Amnesty International Isreal

'Amnesty International menyumbang kepada perubahan imej organisasi di kalangan pihak berkuasa di Morocco. Dari keadaan hostile, pihak berkuasa Morocco telah bekerjasama dengan AI sebagai rakan kongsi yang terhormat dan boleh dipercayai. Ini dapat di ilustrasi dengan penerimaan delegasi AI Morocco mengadap Yang Mulia Raja dimana manual hak asasi, yang di sunting oleh seksyen Morocco telah di persembahkan kepada Raja, yang memuji usaha dan promosi pendidikan hak asasi di Morocco'.

Rakan kerjasama projek REAP, Morocco



© Amnesty International

Amnesty International dan Scouts Isreal mengadakan satu hari tindakan untuk kempen Olimpik Beijing 2008.

CADANGAN-CADANGAN

CADANGAN UTAMA DARI REAP

■ **Bekerja dengan kumpulan sasaran baru dapat menyumbang dalam membina budaya hak asasi kepada seluruh masyarakat.**

Bila bekerja dengan kumpulan sasaran baru, terdapat banyak kepercayaan atau pendapat lapuk yang lama di anuti yang agak sukar untuk di hapuskan. Komitmen terhadap usaha berterusan serta hubungan kerja yang berpanjangan akan menjadi asas dalam membina kepercayaan. Ini dapat melibatkan masyarakat sebagai agen yang aktif terhadap perubahan sosial dalam komuniti mereka.

■ **Pendidikan hak asasi berupaya menjadi satu langkah untuk melibatkan kumpulan sasaran baru supaya bertindak terhadap isu-isu hak asasi.**

Bekerja dengan kumpulan sasaran baru

membawa kepada pembaharuan sebenar dalam menangani isu hak asasi yang berkenaan, khususnya ketika latihan dan pendidikan hak asasi yang di bentuk khas supaya berkenaan dengan isu –isu masyarakat tempatan. Kerjasama dengan organisasi tempatan dan/atau pihak berkuasa tempatan /pusat pada lazimnya berperanan besar dalam mencapai matlamat ini.

■ **Penglibatan kumpulan terpinggir melalui pendidikan hak asasi boleh memperkasakan mereka.**

Pendidikan hak asasi memberikan suara kepada kumpulan terpinggir untuk menyatakan kebimbangan, kepercayaan dan nilai nilai. Pendidikan hak asasi memberikan pengetahuan dan skil kepada kumpulan yang lemah, yang menjadi kan satu kuasa dalam menangani salahlaku hak asasi.

**AMNESTY
INTERNATIONAL**



Amnesty International adalah pergerakan global seramai 2.2 juta penduduk di lebih dari 150 negara dan wilayah yang berkempen bagi menamatkan pencabulan hak asasi manusia.

Wawasan kami adalah bagi setiap individu untuk menikmati semua hak yang terkandung dalam Deklarasi Sejagat Hak-hak Manusia dan piawai-piawai hak manusia antarabangsa lain.

Kami bebas dari mana-mana kerajaan, ideologi politik, kepentingan ekonomi atau agama - dibiayai terutamanya oleh keanggotaan kami dan derma awam.

Mei 2010
Indeks: POL 32/004/2010

Amnesty International
International Secretariat
Peter Benenson House
1 Easton Street
London WC1X 0DW
United Kingdom
www.amnesty.org